

**IMPAK PENULARAN PANDEMIK *CORONAVIRUS* TERHADAP
FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI TAHAP
KESELAMATAN PILIHAN RAYA: SATU KAJIAN KONSEP**

Norazam Mohd Noor

ABSTRACT

Electoral security connotes specifically to the aspects that are capable of influencing it either externally or internally. A review of the literature suggests a total of six risk factors for affecting the level of integrity and legitimacy of electoral conduct. Thus, this conceptual study aims to examine the factors that can affect the level of security in elections in terms of security control, political stability, economic strength, social harmony, neutrality of state institutions and transparency of the electoral process. The change in new norms following the outbreak of the Coronavirus pandemic affected various aspects of society's daily life, including aspects of election administration. The experience of implementing three series of elections in 2020, when Malaysia is still in the Movement Control Order phase, is an important reference in resolving the constraints and challenges faced in conducting elections. Through secondary data, this study argues that the existence of pandemic risk is a new factor that is also able to influence the level of security in the conduct of elections. It is hoped that this study will be able to increase the corpus of knowledge related to security aspects in the conduct of elections.

Keywords: *election, electoral security, pandemic outbreak, Coronavirus*

ABSTRAK

Konotasi keselamatan pilihan raya secara khusus merujuk kepada aspek-aspek yang mampu mempengaruhinya sama ada secara luaran atau dalaman. Kajian literatur mencadangkan sebanyak enam faktor yang berisiko untuk yang boleh menjejaskan tahap integriti dan legitimasi pelaksanaan pilihan raya. Oleh itu, kajian konseptual ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor yang dapat mempengaruhi tahap keselamatan dalam pilihan raya iaitu dari segi kawalan keselamatan, kestabilan politik, kekuatan ekonomi, keharmonian sosial, kebebasan institusi negara dan ketelusan proses pilihan raya. Perubahan norma baharu berikutan penularan pandemik *Coronavirus* mempengaruhi pelbagai

aspek kehidupan seharian masyarakat, termasuklah aspek pentadbiran pilihan raya. Pengalaman melaksanakan tiga siri pilihan raya pada tahun 2020, ketika Malaysia masih dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan, menjadi rujukan penting bagi mengatasi kekangan dan cabaran yang dihadapi dalam menjalankan pilihan raya. Melalui data sekunder, kajian ini berpendapat bahawa kewujudan risiko pandemik merupakan faktor baharu yang mampu mempengaruhi tahap keselamatan dalam menjalankan pilihan raya. Adalah diharapkan kajian ini berupaya untuk meningkatkan lagi korpus ilmu berkaitan dengan aspek keselamatan dalam menjalankan pilihan raya.

Kata kunci: *pilihan raya, keselamatan pilihan raya, penularan pandemik, Coronavirus*

1. PENDAHULUAN

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan empat fasa dari 18 Mac hingga 31 Disember 2020 merupakan tindakan kerajaan dalam membendung penularan pandemik *Coronavirus* (Covid-19) di Malaysia. Arahan yang bersifat kuarantin ini menghadkan operasi premis-premis kerajaan dan swasta, menyekat pergerakan keluar dan masuk negara, serta melarang perhimpunan bagi sebarang aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya termasuklah pelaksanaan pilihan raya (Majlis Keselamatan Negara (MKN), 2020). Meskipun begitu, sebanyak tiga siri pilihan raya iaitu Pilihan Raya Kecil (PRK) Chini, Pahang dan Slim, Perak serta Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah masih dijalankan dengan kepatuhan tinggi terhadap prosedur operasi piawai (SOP) di sepanjang tempoh itu. Namun, kebimbangan terhadap risiko penularan pandemik ini pasca pilihan raya tidak pernah luntur daripada perhatian pihak-pihak berwajib. Berikutan daripada lonjakan kes jangkitan baharu harian Covid-19 di Malaysia dan kebimbangan terhadap risiko penularan pandemik ini di luar kawalan yang boleh menjejaskan keselamatan terhadap pemegang taruh pilihan raya, Kerajaan Malaysia memproklamasikan darurat bagi menangguhkan pelaksanaan PRK Batu Sapi dan Bugaya, Sabah serta Gerik, Perak (Pejabat Perdana Menteri Malaysia, 2020; Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) 2020). Begitu pun, naratif oleh ramai sarjana dalam pengkajian bidang politik mengkritik tindakan ini dan bersetuju bahawa ia juga merupakan sebagai salah satu faktor yang menjejaskan pelaksanaan pilihan raya.

Artikel ini cuba untuk mengetengahkan konsep keselamatan dalam pengurusan pilihan raya dan membincangkan faktor-faktor sedia ada yang berupaya menjejaskan kredibiliti dan legitimasi dalam pengurusan pilihan raya. Susulan daripada penularan pandemik Covid-19, perbincangan kajian ini turut berhujah bahawa ancaman pandemik perlu diambil kira sebagai faktor baharu yang berisiko untuk menjejaskan tahap keselamatan dalam pengurusan pilihan raya. Adalah diharapkan kupasan perbincangan yang diketengahkan artikel ini mampu memperkayakan lagi perdebatan bagi korpus pengendalian pilihan raya secara amnya, dan pelaksanaan pilihan raya dalam suasana penularan pandemik secara khasnya.

2. PILIHAN RAYA DAN KESELAMATAN PILIHAN RAYA

Pilihan raya merupakan satu instrumen penting yang digunakan bagi memaparkan keputusan rakyat dalam pemilihan pemimpin (O'Neill, 2006). Secara definisinya, pilihan raya merupakan proses rasmi untuk memilih seseorang pentadbir awam atau memutuskan untuk menerima atau menolak penamaan calon politik melalui kaedah pengundian. Instrumen ini merupakan opsyen utama yang digunakan oleh kebanyakan negara dalam menentukan pemerintahan (Webb, Eulau & Gibbins, 2020). Malah, Webb, Eulau & Gibbins (2020) turut menegaskan wujudnya jalinan simbiotik fungsi pilihan raya antara pemimpin dengan rakyat. Pelaksanaan pilihan raya yang telus membolehkan rakyat menterjemahkan suara mereka kepada sokongan undi. Mandat undi yang diperoleh pemimpin politik memberikan legitimasi kepada pemerintahan mereka. Manakala, kuasa yang dipunyai pemimpin politik membolehkan mereka menjalankan pelbagai inisiatif dalam pentadbiran negara bagi menjaga kepentingan, keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Polemik sarjana terdahulu kerap menyentuh isu legitimasi pilihan raya. Kebanyakan kerajaan didirikan melalui sistem pemerintahan hibrid, yang mana aspek demokrasi seperti persaingan politik oleh multi-parti masih lagi berlangsung, namun pada masa yang sama pemerintahan autoritarian didominasi oleh sebilangan kecil elit politik (Puthuchearry, 2005). Antara isu utama yang sering kali diperdebatkan adalah ketelusan dan ketulenan dalam pengendalian pilihan raya (Webb, Eulau & Gibbins, 2020). Begitu pun, pelaksanaan pilihan raya dianggap sebagai ideal sekiranya mampu memenuhi lapan ketetapan demokrasi, sepertimana yang digariskan oleh Artikel 25 *United Nation International Covenant for Civil and Political Rights* (ICCPR) 1966.

Namun, aspek terpenting yang mendasari pilihan raya adalah pelaksanaannya secara berturutan dalam sebelas kitaran lengkap. Aspek-aspek tersebut adalah penubuhan badan pengurusan pilihan raya (EMB), penyediaan undang-undang pilihan raya, penyediaan prosedur pilihan raya, penetapan sempadan pilihan raya, penyediaan daftar pemilih, pendaftaran parti dan calon, kempen melalui media, pembiayaan kempen, proses pengundian, pengiraan undi dan hebahan keputusan pilihan raya (Norris, 2016).

Keselamatan pilihan raya pula melibatkan perlindungan keselamatan daripada segala bentuk halangan yang boleh menjejaskan kewibawaan pelaksanaan pilihan raya bagi memenuhi tuntutan demokrasi (Ojo & Ademowo, 2015). Secara perincian, keselamatan pilihan raya dapat ditakrifkan sebagai proses melindungi pemegang taruh pilihan raya seperti pengundi, calon, petugas, media dan pemerhati; informasi pilihan raya seperti keputusan pengundian, data pendaftaran dan bahan kempen; dan peristiwa pilihan raya seperti kempen dan perhimpunan daripada sebarang bentuk ancaman, kerosakan serta gangguan terhadap keselamatan nyawa dan material (Sisk, 2008). Pengukuran tahap keselamatan sesuatu pilihan raya adalah berteraskan kepada kepatuhan terhadap kitaran pilihan raya.

Sebagai antara promoter demokrasi utama dunia, *United States Agency for International Development* (USAID) menetapkan tiga asas utama meneliti tahap keselamatan pilihan raya, iaitu fizikal, peribadi dan informasi. Elemen-elemen penting yang terlibat dalam keselamatan fizikal adalah seperti kemudahan dan perkakas pejabat pentadbiran pilihan raya, calon dan parti politik, pemerhati pilihan raya dan media. Malah, keselamatan kediaman pegawai dan petugas pilihan raya, serta penginapan pemerhati dan pelawat antarabangsa turut terangkum dalam asas ini. Bagi keselamatan peribadi pula, fokus tertumpu pada individu pemegang taruh seperti pengundi, pegawai awam, petugas pilihan raya, pasukan keselamatan, ejen calon/parti, pemerhati pilihan raya dan wakil media. Manakala, keselamatan informasi melibatkan kebolehfungsian sistem komputer dan komunikasi yang digunakan dalam pendaftaran pemilih dan pengiraan undi (USAID, 2010).

3. FAKTOR-FAKTOR YANG MENJEJASKAN TAHAP KESELAMATAN DALAM PILIHAN RAYA

Kejayaan sesuatu pilihan raya tidak hanya tertakluk kepada kelancaran pelaksanaannya sahaja, tetapi turut dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang lain. Sebanyak enam elemen dikenal pasti sebagai faktor yang berisiko untuk menjejaskan kualiti sesuatu pelaksanaan pilihan raya iaitu kawalan keselamatan, politik, ekonomi, sosial, institusi negara, dan proses spesifik pilihan raya.

Risiko Kawalan Keselamatan

Elemen ini melibatkan kualiti kawalan keselamatan yang diberikan oleh pihak berautoriti dalam pilihan raya. Tahap kualiti kawalan keselamatan diukur berdasarkan keupayaan anggota keselamatan dari segi kompetensi, pengalaman, penyampaian perkhidmatan dan mengimbangkan campur tangan politik (USAID, 2010). Dalam membincangkan aspek ini, penguatkuasaan sesuatu peruntukan kuasa pilihan raya memberi kesan terhadap tahap keselamatan di dalam pilihan raya. Berdasarkan contoh praktis kawalan keselamatan dalam pilihan raya gabenor Abia, Nigeria 2019, ketiadaan arahan yang jelas daripada EMB menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam penguatkuasaan undang-undang pilihan raya (Eme-Uche, Aj & Okonkwo, 2020).

Kelemahan penguatkuasaan perundangan pilihan raya memungkinkan terjadinya pelbagai bentuk pemberontakan dan keganasan semasa pilihan raya. Pengalaman lepas membuktikan wujudnya gerakan pemberontakan yang mensabotaj pelaksanaan pilihan raya di negara-negara seperti Afghanistan, Iraq, Colombia, Filipina dan beberapa negeri di India (USAID, 2010). Sehubungan itu, Høglund & Jarstad (2011) menggariskan sebanyak lima strategi perlu diambil tindakan oleh pihak berautoriti pilihan raya dalam memperkemaskan aspek kawalan keselamatan iaitu: (1) menyertakan pemantauan pilihan raya; (2) melibatkan pihak pengantara; (3) memperkemaskan perundangan; (4) mengukuhkan penguatkuasaan; dan (5) membudayakan kawalan sendiri. Malah, latihan intensif yang melibatkan pengukuhan pengetahuan teori, teknikal dan operasi pilihan raya juga dilihat sebagai suatu opsyen terbaik dalam memperkukuhkan kompetensi anggota kawalan keselamatan (USAID, 2013).

Risiko Politik

Ketidakstabilan politik merupakan suatu bentuk ancaman terhadap keselamatan dalam pilihan raya. Negara-negara yang berada dalam fasa demokrasi rapuh yang melibatkan peralihan kerajaan secara separa, tidak kukuh, terselindung dan “zon-kelabu” lebih berisiko untuk berhadapan dengan ancaman keganasan pilihan raya (USAID, 2010). Situasi ini menyebabkan parti-parti politik mempraktikkan pelbagai inisiatif politik untuk memenangi pilihan raya dengan mengabaikan ketetapan perundangan dan peraturan pilihan raya. Hal ini dijelaskan dengan wujudnya penglibatan samseng bersenjata untuk menghancurkan musuh politik bagi fasa sebelum, semasa dan selepas pilihan raya (Eme-Uche, Aj & Okonkwo, 2020). Tidak cukup dengan itu, rampasan kuasa juga turut berlaku melalui pendekatan yang lebih lunak dan halus. Berdasarkan kajian empirikal di Jepun bagi tempoh 1947-1993, Nyblade & Reed (2008) merumuskan persaingan politik sesama dan antara parti merupakan dorongan utama kepada para politikus untuk melakukan penipuan dan rasuah sebagai usaha memenangi pemilihan dan persaingan pilihan raya.

Sehubungan itu, selaku antara promoter demokrasi utama dunia, USAID menyarankan sebanyak tiga strategi perlu dilakukan bagi meredakan konflik dalaman dan luaran parti. Pertama, mewujudkan mekanisme perundingan parti politik yang bertindak sebagai medium komunikasi dalam mencegah, menguruskan dan sebagai pengantara dalam menyelesaikan keganasan dalam pilihan raya. Kedua, mempraktikkan kod tata kelakuan politik bagi menerapkan panduan dan larangan tatalaku kepada ahli-ahli politik. Ketiga, menguatkuasakan mekanisme pemantauan sebagai instrumen pencegahan konflik yang berkesan (USAID, 2013).

Risiko Ekonomi

Faktor ini mempunyai perkaitan yang kuat dengan berlakunya keganasan pilihan raya. Majoriti parti politik menyedari isu, ini dan memobilisasikan kemiskinan dan pengangguran rakyat untuk meraih sokongan, hingga dijadikan sebagai alat untuk menimbulkan kekacauan dalam pilihan raya (Eme-Uche, Aj & Okonkwo, 2020).

Tiga perspektif dikenal pasti mampu untuk bertindak sebagai kayu pengukur dalam menentukan tahap kestabilan ekonomi di sesebuah negara. (1) Pendapatan per kapita – garis kemiskinan rakyat ditentukan berdasarkan penetapan nilai ambang. Rakyat yang berpendapatan di bawah garis ini dianggap sebagai miskin dan cenderung bertindak ganas dalam pilihan raya (Collier, 2009). Hujah ini dibuktikan dengan situasi yang berlaku di Filipina, di mana rekod tertinggi kes keganasan pilihan raya dicatatkan di wilayah paling miskin iaitu Mindanao (USAID, 2010). (2) Agihan kekayaan – monopoli wang dan aset berperanan untuk meningkatkan risiko berlakunya keganasan dalam pilihan raya. Berdasarkan pengalaman di Bangladesh, Colombia dan Zimbabwe, pemusnahan kediaman golongan miskin bagi tujuan pembangunan oleh kerajaan antara 2006 hingga 2008 yang dimiliki oleh konglomerat tertentu mencetuskan berlakunya lebih banyak keganasan pasca pilihan raya (USAID, 2010). (3) Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) – keganasan pilihan raya kerap kali berlaku di negara-negara yang mencatatkan KDNK di bawah nilai minimum pertumbuhan ekonomi tahunan (Straus & Taylor, 2009).

Risiko Sosial

Polarisasi sosial turut mempengaruhi tahap keselamatan dalam pilihan raya. Kepelbagaian demografi ini tentunya mendorong kepada keperluan dan kehendak yang berbeza. Berdasarkan pengelasan oleh USAID, empat aspek dikenal pasti berupaya mempengaruhi keselamatan dalam pilihan raya, iaitu (1) jurang sosial – melibatkan politik berasaskan identiti yang disebabkan oleh perpecahan sosial dari segi etnik, agama, linguistik dan pembahagian wilayah; (2) perubahan demografi – melibatkan pemindahan sesuatu kumpulan sosial sama ada secara paksaan atau urbanisasi; (3) peranan elit politik - sabotaj dalam pilihan raya oleh kumpulan tertentu bagi memastikan kelangsungan politik mereka; dan (4) aktivisme “diaspora” – dimensi transaksi oleh imigran yang memungkinkan risiko berlakunya keganasan di sesebuah negara melalui penyertaan aktif mereka dalam pendanaan politik, jaminan perlindungan keselamatan oleh organisasi antara kerajaan (IGO), dan menaja persenjataan dalam pergerakan ketenteraan tertentu (USAID, 2010).

Parti politik mempunyai hubungan yang sangat dekat dengan kumpulan sosial. Dalam suasana pilihan raya, hubungan ini selalunya diterjemahkan antara janji politik dengan kepuasan hati rakyat. Sudah tentu, kelemahan komitmen politik akan mengesankan kepuasan hati rakyat terhadap sesuatu kehendak

sosial (Marszalek-Kawa & Plecka, 2017). Malah, cetusan ketidakpuasan hati ini akan meledak melalui dorongan gerakan massa. Berdasarkan pengalaman pilihan raya Thailand 2014, demonstrasi dan bantahan anjuran organisasi masyarakat sivil (CSO) yang dijalankan secara lantang dan radikal mendorong kepada berlakunya keganasan pilihan raya yang menjejaskan kelancaran urusan pendaftaran pemilih, pengundian dan pengiraan undi (Kongkirati, 2016).

Risiko Institusi Negara

Sesebuah institusi negara dianggap mempunyai kesahan dalam pemerintahan apabila mendapat kepercayaan dan persepsi positif rakyat. Hal ini berkait rapat dengan keupayaan sesuatu pemerintah untuk mentadbir negara dengan berkesan dan responsif terhadap tuntutan dan keperluan rakyat (USAID, 2010).

Begitu pun, institusi negara ini turut tidak terlepas daripada risiko yang berupaya melemahkan kredibilitinya. Punca utamanya adalah manipulasi bagi kepentingan peribadi oleh elit politik terutamanya pendukung, penaung dan penyedia dana politik (Ojo & Ademowo, 2015). Dalam hubungan sebab-akibat, kelemahan institusi negara memberi kesan ke atas sekurang-kurangnya tiga elemen. Pertama, bias agensi strategik pilihan raya – agensi seperti EMB, polis dan badan kehakiman yang dianggap memanipulasikan perlembagaan dan perundangan bagi kepentingan politik. Kedua, kelemahan komitmen agensi penguatkuasaan – agensi penguatkuasaan tidak mempunyai kesungguhan untuk memastikan keneutralan mereka dalam menjalankan tugas pilihan raya. Ketiga, penegakan undang-undang pilihan raya yang partisan dan lebih menguntungkan parti pemerintah (Ojo & Ademowo, 2015; Eme-Uche, Aj & Okonkwo, 2020).

Risiko Proses Spesifik Pilihan Raya

Sepertimana penjelasan sebelum ini, sesuatu pilihan raya dianggap mempunyai legitimasi apabila dijalankan dalam kitaran lengkapnya secara telus. Kegagalan mematuhi tuntutan ini menyebabkan berlakunya penyelewengan yang menatijahkan protes pilihan raya melalui tindakan keganasan oleh kumpulan sosial tertentu (Eme-Uche, Aj & Okonkwo, 2020). Sehubungan itu, USAID (2010) mengenal pasti sebanyak 12 elemen penting dalam pilihan raya yang berisiko untuk dimanipulasikan bagi kepentingan pihak tertentu di sesebuah negara, iaitu:

- 1) Sistem dan jenis pilihan raya yang dijalankan;
- 2) Sistem parti politik yang diamalkan;
- 3) Kualiti sistem pengadilan bagi sesuatu pertikaian pilihan raya;
- 4) Tahap kebebasan sesebuah EMB;
- 5) Persempadanan dan pemencaran kawasan pilihan raya;
- 6) Pemasaan dan jujukan pelaksanaan pilihan raya;
- 7) Reformasi ke atas proses pilihan raya;
- 8) Penipuan dan persepsi penipuan dalam pilihan raya;
- 9) Boikot terhadap pelaksanaan dan keputusan pilihan raya;
- 10) Konfrontasi antara parti-parti politik;
- 11) Hasutan melalui ucapan dan khabar angin; dan
- 12) Penyalahgunaan media baharu.

Justeru, bagi mengurangkan berlakunya risiko ke atas proses spesifik pilihan raya, USAID (2013) menggariskan praktis amalan terbaik yang dapat dibahagikan kepada fasa pra, semasa dan pasca pilihan raya. Pada peringkat pra pilihan raya, fokus tumpuan adalah seperti penyediaan kerangka undang-undang yang komprehensif, pengurusan konflik yang melibatkan pertikaian dan pendanaan politik, serta pengurusan kompetensi pasukan keselamatan. Kepatuhan terhadap perundangan dan prosedur merupakan fokus utama semasa pilihan raya. Manakala, amalan terbaik pada peringkat pasca pilihan raya pula melibatkan pengurusan keputusan dan keadilan dalam pilihan raya.

4. RASIONALISASI MEMPERTIMBANGKAN IMPAK PANDEMIK COVID-19 SEBAGAI FAKTOR BAHARU YANG MENJEJASKAN TAHAP KESELAMATAN PILIHAN RAYA

Tatkala tahap kesihatan seluruh dunia masih lagi bergelut akibat penularan pandemik Covid-19, pengkajian akademik terus subur dan segar melalui percambahan bidang baharu iaitu penelitian terhadap aspek keselamatan pelaksanaan pilihan raya dalam suasana pandemik. Begitu pun, cabang kajian ini masih lagi hijau dan belum berkembang secara pesat. Setakat ini, hanya tiga elemen menjadi tumpuan para sarjana iaitu kajian berkaitan impak pandemik terhadap pentadbiran pilihan raya dan pengukuhan hak-hak demokrasi, serta amalan terbaik dan efektif bagi pengurusan pilihan raya.

Sekurang-kurangnya lima cabaran dikenal pasti berupaya memberi impak kepada pengendalian pilihan raya dalam suasana pandemic Covid-19.

Antaranya adalah respons tindakan kerajaan yang tidak menangani isu secara tepat, prioriti tindakan yang menyebabkan persiapan pilihan raya terabai, pemusatan kuasa yang menjurus kepada pemerintahan yang lebih autokrasi, peningkatan kos pelaksanaan pilihan raya berikutan perubahan tatacara yang menjadi semakin ketat, dan kelewatan perundangan yang menyukarkan pelaksanaan prosedur pilihan raya (James, 2020). Malah, kebimbangan kerajaan untuk mengadakan pilihan raya akibat sokongan rakyat terhadap prestasi pemerintahan mereka yang semakin tipis turut mempengaruhi strategi bagi menangani pandemik Covid-19. Hal ini mendorong kepada langkah-langkah pengejatan seperti menyekat individu untuk bekerja dan berhimpun, menghentikan pengangkutan awam dan aktiviti sosial untuk mengurangkan mobiliti, dan menguatkuasakan pematuhan terhadap langkah-langkah ini (Pulejo & Querubin, 2020).

Begitu pun, cabaran era pandemik Covid-19 juga merekodkan kejayaan dalam pelaksanaan pilihan raya. Contoh yang paling ketara adalah seperti pengalaman Korea Selatan menjalankan pilihan raya umum pada 15 April 2020. Di sebalik kebimbangan terhadap risiko penularan pandemik Covid-19, peratusan keluar mengundi dalam pilihan raya ini dicatatkan sebanyak 66.2 peratus, tertinggi dalam tempoh 28 tahun. Malah, parti penyandang *Democratic Party* memperoleh kejayaan besar dengan memenangi 180 daripada 300 kerusi yang dipertandingkan, berbanding dengan hanya kelebihan majoriti satu kerusi sahaja pada pilihan raya umum 2016 (Sung Chull, 2020). Berbanding dengan Belarus, Poland, Serbia, Singapura, dan Amerika Syarikat, pilihan raya umum Korea Selatan 2020 dijalankan tatkala bilangan kes jangkitan aktif pandemik ini dalam trajektori menurun dan berterusan pasca pilihan raya (Sung Chull, 2020; Maizland 2020; Shumaker, 2020). Empat aspek dikenal pasti sebagai faktor penyumbang terhadap kejayaan parti penyandang, iaitu kompetensi mereka dalam menangani pandemik Covid-19, persepsi baik pengundi terhadap prestasi parti penyandang, kelemahan kepimpinan parti pembangkang, dan pengalaman kejayaan lepas dalam menangani wabak *Middle East Respiratory Syndrome* (MERS) pada 2015 dan 2018 (Sung Chull, 2020, Kwan Jung 2020). Dari sudut pengendalian pilihan raya pula, lima pendekatan yang digunakan berjaya meningkatkan penyertaan rakyat dan pada masa yang sama mengurangkan risiko kebolehjangkitan pandemik, iaitu menggalakkan opsyen undi awal, memastikan persekitaran pengundian yang selamat, menyebarkan informasi pilihan raya melalui pelbagai medium, mengekalkan ketelusan dalam proses pengundian dan pengiraan undi, dan peralihan mekanisme kempen daripada

tradisional kepada teknologi digital (Spinelli, 2020).

Perbincangan sebelum ini mengenal pasti sebanyak enam faktor yang berisiko untuk menjejaskan pelaksanaan pilihan raya. Penyetuhan terhadap setiap risiko ini menjelaskan punca ia berlaku dan saranan penyelesaian terbaik. Namun, memasukkan elemen suasana pandemik di dalam pelaksanaan pilihan raya yang melibatkan kepatuhan terhadap SOP yang ketat memberikan kesan langsung terhadap semua risiko ini. Elemen pandemik ini dilihat bertindak sebagai faktor pengantara yang berperanan dalam memacu atau merencatkan hubungan sebab-akibat antara enam risiko yang disebutkan terdahulu dengan tahap keselamatan pilihan raya.

Justeru, kajian ini berhujah bahawa elemen pandemik perlu diambil kira sebagai satu faktor baharu yang memberi impak terhadap pelaksanaan pilihan raya, dan setidak-tidaknya berperanan sebagai faktor pengantara yang memberi kesan terhadap pengaruh faktor sedia ada dalam aspek keselamatan pilihan raya. Pengkajian akan datang berkaitan aspek keselamatan pilihan raya seharusnya menumpukan kepada pengaruh pandemik terhadap risiko keselamatan pilihan raya. Pengalaman Malaysia menjalankan tiga siri pilihan raya dalam suasana pandemik Covid-19 sepatutnya digunakan sebagai testimoni penting dalam meneliti kekangan dan cabaran yang dihadapi, bagi merencanakan kaedah penyelesaian terbaik dalam memastikan kelancaran pelaksanaan pilihan raya dalam norma baharu ini.

5. PENUTUP

Tahap integriti sesuatu pelaksanaan pilihan raya turut dipengaruhi oleh faktor-faktor luar dan dalam ke atasnya. Pengkajian terdahulu mengelompokkan faktor-faktor yang berisiko ke atas tahap keselamatan dalam pilihan raya iaitu kawalan keselamatan, kestabilan politik, kukuh ekonomi, keharmonian sosial, keneutralan institusi negara dan ketelusan proses pilihan raya. Perubahan norma susulan penularan pandemik Covid-19 mendorong kepada kewujudan begitu banyak prosedur dan garis panduan baharu dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah pelaksanaan pilihan raya. Hal ini memberi impak ke atas pengaruh kesemua faktor ini terhadap pelaksanaan pilihan raya, yang mana secara langsung turut mempengaruhi persepsi awam terhadap legitimasi pilihan raya yang dijalankan.

RUJUKAN

- Collier, P. (2009). *Wars, Guns and Votes: Democracy in Dangerous Places*. London: The Bodley Head.
- Eme-Uche, U., Aj, E. F. & Okonkwo, C. (2020). Electoral security and voters' turnout in 2019 gubernatorial election in Abia state: Interrogating the narratives. *Proceeding of INTCESS 2020 – 7th International Conference on Education and Social Sciences*. Dubai, Emiriah Arab Bersatu. 20-22 Januari.
- Hoglund, K. & Jarstad, A. K. (2011). Toward electoral security: Experiences from KwaZulu-Natal. *Africa Spectrum*. 46 (1): 33-59.
- James, T. S. (2020). New development: Running elections during a pandemic. *Public Money & Management*. DOI 10.1080/09540962.2020.1783084.
- Kongkirati, P. (2016). Thailand's fail 2014 election: The anti-election movement, violence and democratic breakdown. *Journal of Contemporary Asia*. DOI 10.1080/00472336.2016.1166259.
- Kwan Jung, J. (21 April 2020). *Three reasons for Moon's landslide in South Korea's election*. Dimuat turun 26 November 2020, daripada <https://asia.nikkei.com/Opinion/Three-reasons-for-Moon-s-landslide-in-South-Korea-s-elections>.
- Maizland, L. (17 September 2020). *How countries are holding elections during the COVID-19 pandemic*. Dimuat turun 29 November 2020, daripada <https://www.cfr.org/backgrounders/how-countries-are-holding-elections-during-covid-19-pandemic>.
- Majlis Keselamatan Negara. (2020). Perintah kawalan pergerakan. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/covid-19/>.
- Marszałek-Kawa, J. & Plecka, D. (2017). Social security as a factor contributing to the evolution of the political system in Poland after the parliamentary elections of 2015. DOI 10.14746/ssp.2017.4.5.

- Norris, P. (2016). Electoral integrity in East Asia. *Taiwan Journal of Democracy*. 12 (1):1-25.
- Nyblade, B. & Reed, S. R. (2008). Who cheats? Who loots? Political competition and corruption in Japan, 1947-1993. *American Journal of Political Science*. 52 (4): 926-941.
- O'Neill, B. (2006). Democracy in action: elections, political participation, and citizens' power. Dlm. Dyck, R. (pnyt.). *Studying Politics. An Introduction to Political Science, Edisi ke-3* (hlm. 282-314). Toronto: Nelson Education.
- Ojo, O. M. & Ademowo, A. J. (2015). Electoral security and its implications for democratic consolidation in Nigeria. *The International Journal of Humanities & Social Studies*. 3 (9): 5-14.
- Pejabat Perdana Menteri Malaysia. (18 November 2020). Darurat di Batu Sapi: Tiada perintah berkurung, tiada pemerintahan ala tentera – PM Muhyiddin. <https://www.pmo.gov.my/ms/2020/11/darurat-di-batu-sapi-tiada-perintah-berkurung-tiada-pemerintahan-ala-tentera-pm-muhyiddin/>.
- Pulejo, M. & Querubin, P. (2020). Electoral concerns reduce restrictive measures during the Covid-19 pandemic. Kertas kerja no. 27498. *NBER Working Paper Series*. National Bureau of Economic Research, Cambridge, Amerika Syarikat. Julai.
- Puthuchery, M. (2005). Introduction: Contextualising Malaysian elections. Dlm. Puthuchery, M. & Norani Othman. (pnyt). *Elections and Democracy in Malaysia* (hlm. 1-16). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shumaker, L. (5 November 2020). *U.S. sets new record for increase in COVID-19 cases day after election*. Dimuat turun 26 November 2020, daripada <https://www.thestar.com.my/news/world/2020/11/05/us-sets-new-record-for-increase-in-covid-19-cases-day-after-election>.

- Sisk, T. D. (2008, Mac). Elections in fragile states: Between voice and violence. Dlm. *International Studies Association Annual Meeting, San Francisco, California* (Vol. 5).
- Spinelli, A. (2020). Managing elections under the COVID-19 pandemic: The Republic of Korea's crucial test. Kertas teknikal no. 2. International Institute for Democracy and Electoral Assistance, Stockholm, Sweden. 18 April.
- Straus, S. & Taylor, C. (2009). Democratization and electoral violence in Sub-Saharan Africa, 1990-2007. *American Political Science Association (APSA) Meeting*. Toronto, Kanada. 3-6 September 2009.
- Sung Chull, K. (2020). South Korea's 2020 election amid COVID-19. *East Asian Policy*. 12 (1): 49-62.
- Suruhanjaya Pilihan Raya. (16 Disember 2020). Pengisytiharan proklamasi darurat: Pembatalan dan penangguhan Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen P.054 Gerik, Perak dan Dewan Undangan Negeri (DUN) N.66 Bugaya, Sabah. <https://www.spr.gov.my/ms/pusat-media/kenyataan-media/pengisytiharan-proklamasi-darurat-pembatalan-dan-penangguhan-prk-p054>.
- USAID. (2010). Electoral Security Framework: Technical Guidance Handbook for Democracy and Governance Officers. Washington: USAID.
- USAID. (2013). Best Practices in Electoral Security: A Guide for Democracy, Human Rights and Governance Programming. Washington: USAID.
- Webb, P. D., Eulau, H. & Gibbins, R. (2020). Election (pnyt.). Encyclopedia Britannica. Dlm. <https://www.britannica.com/topic/election-political-science>.